

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 FEB 2017

RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	TADIKA TAWAR KELAS BAHASA INGGERIS PERCUMA	2



SINAR HARIAN

Sf 15/2/17

Tadika tawar kelas Bahasa Inggeris percuma

PASIRGUDANG - Menyedari kepentingan pendidikan Bahasa Inggeris di kalangan kanak-kanak terutamanya golongan fakir miskin yang ketinggalan, Tadika Mutiara Nur Taqwa menawarkan pembelajaran secara percuma.

Pengerusinya, Nurfitriani Tahir berkata, peluang tersebut diberikan kepada golongan berkenaan yang berusia dari 4 hingga 6 tahun untuk mendapatkan Kelas Bahasa Inggeris tanpa sebarang caj bermula Mac ini.

"Tiada apa yang lebih penting melainkan meningkatkan

taraf Bahasa Inggeris dalam kalangan kanak-kanak tempatan terutama golongan yang tidak berkemampuan.

"Saya terfikir nasib anak bangsa yang terabai sehingga menimbulkan kesedaran untuk mewujudkan kelas secara percuma ini dan lebih menarik ia terbuka kepada semua golongan dan bangsa,"katanya.

Nurfitriani berkata, usaha menyampaikan ilmu itu dilakukannya sebagai tanggungjawab dan amanah buatnya bersama beberapa rakan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang merupa-

kan graduan Bahasa Inggeris dan TESL.

Justeru itu, beliau menasaskan mengambil 50 kanak-kanak untuk mengikuti pembelajaran Bahasa Inggeris di tadika miliknya di Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang, di sini.

"Sekiranya golongan kanak-kanak itu dibiarkan tanpa pengawasan, mereka akan tercicir dan ketinggalan begitu juga nasib negara pada masa akan datang.

"Ia juga bertujuan menyokong hasrat kerajaan mentransformasikan pendidikan negara,"katanya.



Kelas Bahasa Inggeris percuma ditawarkan kepada murid kurang berkemampuan.

